



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu Epid 30/2009 (26 Julai hingga 1 Ogos 2009)

Bagi tempoh 26 Julai hingga 1 Ogos 2009, sejumlah 568 kes demam denggi dan tiada kematian dilaporkan ke Kementerian Kesihatan. Jumlah ini meningkat sebanyak 40 (8%) kes jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya iaitu 528 kes. Sebanyak lapan buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding dengan minggu lepas iaitu, Negeri Sembilan 100%, Sarawak 79%, Kedah 71%, Pulau Pinang 58%, Melaka 43%, Perak 42%, Kelantan 25% dan Pahang 8%. Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 ialah 27,542 kes dengan 66 kematian berbanding 25,795 kes dengan 61 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008 iaitu peningkatan kes denggi sebanyak 1,747 (7%) kes (Lampiran A).

Sehingga 1 Ogos 2009, terdapat 31 lokaliti 'hot spot' dilaporkan berbanding 33 lokaliti pada minggu sebelumnya. Sebanyak 6 lokaliti telah bebas 'hot spot' tetapi terdapat tambahan 4 lokaliti 'hot spot' baru pada minggu ini (lampiran C, D dan E). Daripada 30 lokaliti 'hot spot' yang diperiksa, terdapat 10 (33%) lokaliti masih merupakan kawasan sensitif yang mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi dan membolehkan penyebaran penyakit denggi terus berlaku (Lampiran F). Oleh yang demikian masyarakat perlu mengambil tindakan untuk memastikan kawasan kediaman mereka bebas daripada pembiakan *Aedes*.

Sebanyak 76,454 buah premis yang dijalankan pemeriksaan *Aedes* oleh KKM dan PBT pada minggu ini mendapati kadar pembiakan *Aedes* meningkat sebanyak 19% berbanding dengan minggu lepas. Lima buah negeri menunjukkan kadar peningkatan pembiakan *Aedes* yang tinggi iaitu Pulau Pinang 150%, Pahang 94%, Johor 42%, Sarawak 36% dan WPKL dan Putrajaya 23%. Di seluruh negara aktiviti gotong royong bagi tujuan menghapuskan punca pembiakan masih kurang dijalankan dimana hanya 35(59%) aktiviti dapat dijalankan, walaupun sebanyak 59 aktiviti yang disasarkan pada minggu ini.

Sejumlah 200 kompaun bernilai RM43,800 dan 353 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan pada minggu epid 30 melalui tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 35 kes telah dilaporkan dengan penurunan tiga kes sahaja berbanding minggu sebelumnya iaitu 38 kes. Hanya tiga negeri iaitu Sarawak, Kedah dan Perlis yang menunjukkan peningkatan kes pada minggu 30. Bagaimanapun, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di lampiran B.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai agar memandang serius penyakit demam denggi dan Chikungunya, memandangkan ia boleh merebak dengan cepat melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Bagi pesakit yang mempunyai tanda-tanda demam denggi diminta mendapatkan rawatan awal untuk mengelakkan komplikasi yang boleh membahayakan nyawa pesakit. Bagi mereka yang telah dijangkiti demam denggi dan Chikungunya dinasihat untuk mengurangkan pergerakan keluar rumah bagi mengelakkan penularan jangkitan ke kawasan baru.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

3 Ogos 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 30/2009  
( 26 Julai – 1 Ogos )**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga Minggu 30/ 2009	Jumlah Kes Sehingga Minggu 30/ 2008
		Minggu 30/09 (26 Julai - 01 Ogos)	Minggu 29/09 (19 – 25 Julai)		
1.	Perlis	2	2	156	89
2.	Kedah	12	7	558	811
3.	P. Pinang	49	31	1,752	1,053 (1)
4.	Perak	44	31	2,229 (1)	2,261 (1)
5.	Selangor	228	247 (1)	13,776 (44)	10,845 (27)
6.	WPKL & Putrajaya	61	61	2,611 (7)	3,014 (6)
7.	N. Sembilan	14	7	596 (5)	762 (1)
8.	Melaka	20	14	482 (1)	452
9.	Johor	33	43	1,653 (2)	2,008 (12)
10.	Pahang	14	13	582 (2)	706
11.	Terengganu	10	11	661	1,068 (3)
12.	Kelantan	20	16	785 (1)	1,263 (8)
13.	Sarawak	43	24	1,065	754
14.	Sabah	18	21 (1)	614 (3)	663 (2)
15.	WP Labuan	0	0	22	46
	<b>Jumlah</b>	<b>568 (0)</b>	<b>528 (2)</b>	<b>27,542 (66)</b>	<b>25,795 (61)</b>

Nota:

( ) Kematian

Disedia oleh: PPKP Hj Abu Bakar Kassim

## Lampiran B

### JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG DILAPORKAN PADA MINGGU 30 DAN 29 BAGI TAHUN 2009

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 30 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 30 (26 Julai – 01 Ogos 2009)	Minggu 29 (19 – 25 Julai 2009)		
1	Perlis	1	0	30	3
2	Kedah	4	2	783	181
3	P. Pinang	9	15	300	6
4	Perak	1	1	400	590
5	Selangor	5	5	402	353
6	WPKL &Putrajaya	0	1	92	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	0	2	146	1,846
10	Pahang	0	2	69	341
11	Terengganu	0	2	57	4
12	Kelantan	8	8	393	135
13	Sarawak	7	0	311	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>35</b>	<b>38</b>	<b>3,019</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 01 OGOS 2009 (Mg 30)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	15	93
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman ( Zon B ) Episod 2	37	86
3	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 1 (Zon 1)	18	80
4	SELANGOR	Gombak	Bt 8-10 Jalan Gombak (Episod 3)	16	79
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Langat	9	77
6	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman ( Zon C ) Episod 2	15	75
7	SELANGOR	MPAJ	Taman Ampang Utama (Zon C)	14	59
8	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Utama	8	59
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri	11	59
10	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri 7	12	58
11	SELANGOR	MBPJ	Apt. Pelangi PJU 6	13	57
12	SELANGOR	Gombak	Taman Melewar Indah	6	51
13	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semenyih Indah	10	48
14	SELANGOR	MPAJ	AU 1 Taman Keramat (Zon A) Episod 4	4	47
15	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 5,6 & 7 ( Zon 3 )	7	47
16	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H) Eps 3	10	46
17	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Sri Putra	17	46
18	SELANGOR	MPAJ	Taman Bakti (Zon A)	15	42
19	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves (Zon 3) Episod 2	15	39
20	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	7	38
21	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Bolton	5	37

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
22	SELANGOR	Gombak	KIP Sg Pusu	6	37
23	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Cheras	9	35
24	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	12	34
25	SELANGOR	MBSA	Kolej Meranti UITM Seksyen 2	8	30
26	WPKL	Putrajaya	Apartment Fasa 11, Presint 9	5	50
27	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Damai Jalil Appt)	11	49
28	WPKL	Kepong	Tmn Sri Murni	14	54
29	WPKL	Cheras	Desa Pandan Blok F1-F8,G1-G8 Jln 1/76D/76D)	7	39
30	WPKL	Putrajaya	Apt. Putra Damai Precint 11	6	38
31	JOHOR	MPPG	Flat Tmn Cendana Mukim Pelentong	11	31

Lampiran D

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 29 (19-25 JULAI 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tamat Pada
1	SELANGOR	Gombak	KIP Sg Pusu	6	19/08/09
2	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	12	22/08/09
3	SELANGOR	MBSA	Kolej Meranti UITM Seksyen 2	8	19/08/09
4	JOHOR	MPPG	Flat Tmn Cendana Mukim Pelentong	11	20/08/09

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 29 (19-25 JULAI 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Apt. Vista Putra Bandar Sri Putra Bangi	14	69
2	SELANGOR	Gombak	Kg Nakhoda Kiri	7	56
3	SELANGOR	MPSJ	PJS 7	6	50
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka ( Zon B ) Episod 1	11	48
5	SELANGOR	Gombak	Taman Samudra Timur	6	44
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7, Teres B	5	42

## Lampiran F

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN  
NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 30**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/ Zon/PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jumlah. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	4.0%	4.4
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman (Zon B) Episod 2	3.8%	13.0
3	SELANGOR	MPAJ	AU 1, Taman Keramat (Zon A) Episod 4	33.0%	33.0
4	SELANGOR	GOMBAK	Taman Melewar Indah	2.8%	3.0
5	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Sri Langat	3.0%	5.0
6	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Desa Baiduri	4.0%	9.0
7	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Sri Cheras	2.0%	11.0
8	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 2, Bandar Sri Putra	3.0%	3.0
9	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri 7	4.0%	4.2
10	WP KL	PUTRAJAYA	Apt. Putra Damai, Presint II	1.2%	1.2